

20 SEP 2002

Mahathir-akhir

MUNGKIN BUKAN BELANJAWAN TERAKHIR UNTUK DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan 2003 yang dibentangkan hari ini mungkin bukan yang terakhir oleh beliau sebelum persaraannya Oktober tahun depan.

"Mungkin, saya akan bentangkan belanjawan tahun depan," katanya pada sidang media selepas membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada pembentangan Belanjawan kali ini merupakan yang terakhir olehnya memandangkan beliau telah mengumumkan persaraan berkuatkuasa mulai Oktober tahun depan.

Menurut Dr Mahathir, memandangkan persaraannya hanya akan berkuatkuasa pada Oktober, beliau masih berkesempatan untuk membentangkan belanjawan untuk tahun depan yang mungkin diadakan lebih awal.

"Sekarang masih September dan saya sudahpun membentangkan Belanjawan. Tahun depan, Belanjawan mungkin seawal ini (atau) mungkin lebih awal lagi kerana bulan puasa," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau mempunyai cadangan untuk melantik Menteri Kewangan yang baru, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau belum memikirkan mengenai perkara itu.

"Awak selalu ingatkan saya. Saya belum memikirkan mengenainya...permohonan adalah dibuka," katanya.

-- BERNAMA

TM MAI